

CNS0114

U PB 06-11 00171 PW098

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Parti)

PEMILIHAN TIDAK JEJASKAN UMNO. KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemilihan pelbagai jawatan utama pada Perhimpunan Agung tahun ini tidak menjejaskan perpaduan parti.

"Malah UMNO masih satu dan sama besar dengan dahulu dan tidak separuh sahaja," kata Presiden parti pada ucapan penangguhan perhimpunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Beliau berkata kepercayaan rakyat terhadap UMNO berikutan perpecahan yang berlaku ekoran pemilihan 1987 telah dapat dipulihkan dan UMNO telah berkembang dengan pesat sejak 1990 seperti yang dibuktikan pada pilihan raya umum pada tahun itu yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) masih memenangi lebih daripada dua pertiga kerusi di Parlimen.

"UMNO terus berkembang sehingga ada antara mereka yang meninggalkan parti akibat perpecahan 1987, rujuk ke dalam parti kerana UMNO ialah untuk semua yang percayakan kepada perjuangannya.

"Hanya yang sukar diterima ialah orang yang menikam kita dari belakang," kata Perdana Menteri. -- Lagi.

JO AZ.

▼06/11/18-13MST

CNS0137

U PB 06-11 00150 PW099

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Parti) 2 Kuala Lumpur

Beliau percaya pemilihan kali ini tidak mengakibatkan mana-mana pihak mengalami "luka parah" dan ini membuktikan bahawa UMNO kini cukup kuat.

Bagaimanapun, beliau mengakui krisis tidak dapat dielakkan pada peringkat bahagian parti kerana adanya perbezaan pendapat hingga menyebabkan kerenggangan di kalangan anggota.

Dr Mahathir berkata ini perlu dibendung kerana ia boleh menyebabkan ketegangan dan perpecahan dalam UMNO, yang jika tidak ditangani dengan baik mungkin memecah-belah dan melemahkan parti dan pemimpin.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan anggota UMNO bahawa parti akan hanya terus menjadi kuat sekiranya semua pihak bersatu.

"Kalau kita lemah, kita akan dijajah sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh orang sehingga tidak boleh menentukan nasib kita," kata Perdana Menteri dan menambah kata bahawa kerana itulah kerajaan mahukan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. -- Lagi.

JO AZ.

▼06/11/18-42MST

U PB 06-11 00155 PW100

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Parti) 3 Kuala Lumpur

Ketika mengucapkan tahniah kepada semua pihak, Dr Mahathir berkata walaupun menang tidak bertanding beliau insaf tentang kemungkinan adanya pihak yang mahu jawatan Presiden parti dipertandingkan.

"Sebab itu saya mesti berhati-hati. Saya sedar saya tidak boleh tepuk dada dan berbangga dengan kemenangan tanpa bertanding.

"Saya hanya dapat kekal jika saya dapat menyempurnakan amanah secara yang dikehendaki oleh parti dan saya akan cuba sedaya upaya ke arah itu," katanya.

Mengenai cadangan beberapa pihak agar orang Melayu perlu mengubah cara dengan bersikap kurang ajar untuk maju, Dr Mahathir berkata orang Melayu tidak perlu berbuat demikian untuk mencapai kemajuan.

"Kita boleh bersikap tegas tetapi tidak perlu bersifat kurang ajar kerana itu bukan budaya kita," kata Dr Mahathir sambil berkata bahawa bukan beliau yang mencadangkannya tetapi Datuk Musa Hitam, yang ketika itu ialah Timbalan Presiden UMNO. -- Lagi.

JO AZ.

Y06/11/18-56MST

CNS0156

U PB 06-11 00152 PW101

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Parti) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri kesal kerana banyak perubahan yang berlaku di kalangan orang Melayu bersifat negatif seperti tidak membayar hutang, lebih-lebih lagi pinjaman daripada kerajaan, dan ini boleh menyebabkan mereka tidak lagi akan mendapat pinjaman.

Jika sayangkan bangsa, kata Dr Mahathir, orang Melayu tidak sepatutnya mengamalkan sifat itu kerana bukan sahaja mereka yang akan terjejas tetapi juga orang Melayu secara keseluruhannya.

Beliau juga berkata UMNO tidak memusuhi penganut Kristian dan Yahudi tetapi "kita akan memusuhi mereka jika mereka memusuhi kita."

Beliau mengulas teguran wakil Sabah semasa membahaskan usul terima kasih terhadap ucapan Presiden, yang mahukan anggota parti sensitif terhadap soal agama kerana sebahagian anggota UMNO di negeri itu beragama Kristian.

Wakil Sabah membuat teguran demikian berikutan ucapan seorang wakil yang menyentuh agama Kristian semasa berucap pada perbahasan yang sama. -- Bernama.

JO AZ.